

UMS menang emas pertama

► Sukan Antara Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) Ke-III

Oleh **VITALIS G. BINGKASAN**

KOTA KINABALU: Pingat emas pertama Sukan Antara Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) Ke-III di Johor kelmarin dimenangi Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam acara poomsae taekwondo.

Trio poomsae UMS yang dianggotai Raymond Toh Meng Hui, Ahmady Radi dan Lee Kim Qin mencatat 6.98 mata menumpaskan pasukan Help University yang hanya

mencatat 6.56 mata pada perlawanan akhir.

Pemenang bersama pingat gangsa dimenangi Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan Universiti Teknikal Melaka.

Pengarah Pusat Sukan UMS, Mohd Asyraf Fong Abdullah yang bersama pasukan di Johor berkata, ia adalah pingat emas pertama yang ditawarkan pada kejohanan itu.

"Pingat emas pertama ini adalah motivasi terbaik buat kontinjen UMS dan saya berharap lebih banyak pingat

menyusul selepas ini dan seterusnya mencapai sasaran yang ditetapkan," katanya menerusi sistem pesanan ringkas kelmarin.

UMS yang diwakili 42 atlet menasarkankan enam pingat emas untuk menduduki 10 tempat terbaik.

"Kita berharap dapat mencapai kedudukan lebih baik berbanding tempat ke-11 daripada 114 pasukan pada 2014," kata Asyraf.

Kejohanan dwi-tahunan itu mempertandingkan 25 jenis sukan tetapi UMS hanya mengambil bahagian dalam

10 jenis sukan itu taekwondo, silat, olahraga, karate, bola tampar pantai, lawan pedang, badminton, petanque, boling padang dan boling tenpin.

Kejohanan itu yang menawarkan keseluruhan 251 pingat emas itu disertai lebih 120 institusi pengajian tinggi awam dan swasta termasuk politeknik, kolej komuniti, Institut Pendidikan dan Kolej Matrikulasi.

Selain IPTA dan IPTS tempatan, kejohanan itu juga disertai pasukan luar negara iaitu Thailand, Myanmar, Indonesia dan Laos.



TRIO poomsae UMS (dari kiri) Raymond, Armady dan Kim Qin memenangi pingat emas pertama SUKIPT di Johor kelmarin.